

Bil. S 24

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

**PERINTAH AKTA MAJLIS UGAMA ISLAM DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH
KADI (PINDAAN), 2003**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Pindaan), 2003.

Penggantian bab 108 dari Penggal 77.

2. Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi adalah dipinda dengan memansuhkan bab 108 dan menggantikannya dengan bab baru yang berikut —

"Audit.

108. (1) Kunci kira-kira tahunan, akaun pendapatan dan perbelanjaan dan senarai pelaburan tersebut hendaklah sebelum pengeluarannya diaudit oleh —

(a) Juruaudit Agung; atau

(b) mana-mana orang yang telah diberi kuasa bagi melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki oleh Akta Syarikat (Penggal 39) untuk dilaksanakan oleh seorang juruaudit, yang akan dilantik pada tiap-tiap tahun oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Satu salinan sijil juruaudit hendaklah dilampirkan pada semua salinan laporan dan akaun sebagaimana yang dikeluarkan.

(2) Jika akaun-akaun Majlis telah diaudit oleh seseorang yang dilantik di bawah perenggan (b) cerai (1), akaun-akaun itu boleh disahkan oleh Juruaudit Agung sebelum satu salinannya disiarkan dalam *Warta Kerajaan* menurut bab 107."

Diperbuat pada hari ini 22 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1424 bersamaan dengan 24 haribulan April, 2003 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM